Jurnal Syariah, 11:1 [2003] 131-146

Berpoligami: Antara Hak Suami dan Hak Isteri Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia

Raihanah Hj. Abdullah

Abstract

In the beginning of 1980s, specific and detailed provisions on polygamy were enacted under the Islamic Family Law Enactment. One of the purpose of this provision is to control the practice in order to avoid difficulties and problems (if any) faced my Muslim Women. In some cases, women suffer financially and emotionally when their husband abuse the permission granted by the Qur'an. Therefore, this article discusses the rights of Muslim Women in polygamous marriage as provided under Islamic Family Law Enactment and to what extent the law protects muslim women from any abuses in such marriages.

Kebelakangan ini masyarakat sering kali membahaskan isu poligami terutamanya menyentuh peruntukan undang-undangnya. Ini adalah ekoran daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh beberapa orang pemimpin masyarakat yang dipetik daripada akhbar-akhbar tempatan.[1]

Beberapa keratan dan kenyataan yang berkaitan dengan poligami telah membawa kepada pelbagai reaksi masyarakat sama ada di kalangan para pemimpin mahupun

rakyat biasa. Kenyataan-kenyataan begini bukanlah sesuatu yang asing kerana antara cadangan daripada pemimpim masyarakat ini pernah disuarakan 20 tahun dahulu. Antaranya adalah saranan yang dikemukakan oleh Encik Abu Bakar Muhammad Dewa, Ketua Pergerakan UMNO Negeri Johor (pada ketika itu) yang dilaporkan oleh akhbar Berita Harian 10 Disember 1982 yang mencadangkan supaya wanita-wanita yang mengizinkan suami beristeri lebih dari satu diberi penghargaan seperti pingat-pingat.[2]

Tidak hairanlah sekiranya didapati masyarakat terutamanya sebilangan golongan wanita cuba membidas saranan-saranan sebegini sebagai mempersendakan isu poligami

> "... Saya rasa terkilan apabila wakil rakyat Pas mempermain dan mempersendakan isu poligami terutama apabila meminta lesen besar untuk berpoligami. Saya rasa ini bukan satu perkara yang harus dipersendakan ..." Ujar Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil - *Utusan Malaysia,* 26 Oktober 2002 -

dan menghina wanita:

> "... Mereka menyifatkan langkah itu sebagai satu penghinaan terhadap kaum wanita yang bergelar isteri. Shahrizat dalam reaksinya berkata, jika seseorang lelaki benar-benar layak dan memenuhi tuntutan hukum syarak untuk berpoligami mereka tidak perlu berkahwin di luar kariah..." - *Utusan Malaysia,* 3 Januari 2003

Daripada kenyataan-kenyataan ini seolah-olah menggambarkan bahawa perdebatan isu poligami melibatkan peperangan antara lelaki dan wanita. Bagi penulis, ia bukanlah isu sebenar walaupun didapati bahawa sebahagian besar wanita dikatakan menentang poligami terutamanya dari segi pelaksanaan undang-undang.[3] Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mencadangkan supaya suami yang berpoligami tetapi mengabaikan tanggungjawabnya dikenakan hukuman sebat. Kata beliau:

> "... Undang-undang sebatan itu perlu diadakan kerana golongan terbabit berpoligami bukan kerana menolong janda atau isteri kedua, tetapi semata-mata untuk memuaskan nafsu. – Orang macam ini tidak boleh dibiarkan hukumannya serupa dengan orang yang berpoligami dengan baik... suku (diasingkan), katanya kepada pemberita semasa sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan ..." - *Utusan Malaysia,* 28 Oktober 2002

Beliau seterusnya menegur:

> "... Kita bercakap dengan gelak ketawa sedangkan golongan wanita yang ada dalam Dewan ini dengar dan berdebar, seolah-olah kita ini tak mesra alam. – Lelaki macam ini kena ada hukuman sebat mandatori selain denda,

biar sampai mati pucuk terus, tegasnya ...." *Utusan Malaysia,* 28 Oktober 2002

Bagaimanapun cadangan untuk mengenakan hukuman mandatori sebat sehingga mati pucuk ini dikritik oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Rais Yatim sebagai *"ludicrous"*

"... I don't think this is a serious suggestion that is based on Islamic law..." – *New Straits Times,* 29 Oktober 2002

Ternyata di sini bahawa fokus utama perdebatan masyarakat dalam isu poligami adalah merujuk kepada pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia terutamanya berkaitan dengan beberapa peruntukan poligami. Cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Perlis yang memudahkan permohonan poligami adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada pasangan-pasangan yang ingin berbuat demikian ke negara jiran dan berkahwin tanpa mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

"... Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim mempertahankan langkah kerajaan negeri ini melonggarkan syarat berpoligami yang disifatkan dapat membantu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga menangani masalah berpoligami di luar negara terutama Thailand..." – *Utusan Malaysia,* 3 Januari 2003

Manakala cadangan lain pula memberi penekanan supaya undang-undang yang ada dapat memastikan tidak berlaku penganiayaan kepada kaum wanita.[4]

"... Sisters in Islam (SIS) menyatakan kekesalan terhadap Kerajaan Perlis melonggarkan syarat berpoligami dengan tidak mengambil kira persetujuan isteri pertama. SIS dalam kenyataannya berkata, sepatutnya institusi ini memperketatkan syarat-syarat berpoligami bagi memastikan tiada pihak teraniaya..." - *Utusan Malaysia,* 3 Januari 2003

Oleh yang demikian kertas ini bertujuan untuk mengupas peruntukan undang-undang dengan melihat sejauh manakah peruntukan yang ada pada hari ini dapat menyelesaikan beberapa masalah yang berbangkit daripada perkahwinan poligami terutamanya dalam memastikan bahawa isteri-isteri dalam perkahwinan poligami dijamin haknya menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.

Latarbelakang Penggubalan Undang-undang

Kurun Ke 19 Masehi telah menyaksikan usaha-usaha ke arah pembaharuan undang-undang Islam. Pandangan Muhammad 'Abduh supaya ditafsirkan semula peruntukan berkaitan dengan poligami adalah ekoran daripada kegagalan masyarakat untuk

mematuhi peraturan-peraturan yang dinyatakan. Oleh yang demikian beliau berpendapat bahawa peraturan-peraturan poligami melalui perbahasan Fuqaha di mana keadilan dalam perkahwinan poligami terletak atas 'budibicara' suami, kini memerlukan campurtangan Mahkamah untuk menentukannya sama ada seseorang suami itu layak ataupun tidak bagi mengelakkan penyelewengan. Pandangan Abduh ini dianggap sebagai suatu pandngan yang berani seperti kata Stowsser *"most daringly innovative Quran interpretations and fatwas (legal opinion)'*[5] dan telah menimbulkan keadaan yang kontroversi di kalangan kebanyakan pengkaji-pengkaji Islam. Oleh kerana itu, negara yang pertama memberi kuasa kepada Mahkamah untuk menentukan sama ada seseorang suami itu layak untuk berpoligami adalah Syria pada tahun 1953. Sebelum adanya peruntukan sedemikian, isteri yang sedia ada hanya dibenarkan oleh Undang-undang untuk memasukkan syarat yang memberinya hak untuk memohon perceraian sekiranya suaminya berpoligami di dalam surat perakuan nikahnya. Memasukkan syarat sebegini bukanlah bertujuan untuk menghalang suami untuk berpoligami, sebaliknya ia memberi isteri tersebut hak untuk menceraikan dirinya sendiri secara *talāq tafwīḍ* apabila suaminya berpoligami. Dalam hal keadaan ini, Badāwī menyatakan bahawa pilihan untuk menerima perkahwinan poligami harus ada pada setiap individu yang terlibat secara langsung di dalam perkahwinan tersebut. Kata Badawi lagi, sekiranya bakal isteri bersetuju untuk mengahwini lelaki yang berpoligami dan suami juga bersetuju untuk berpoligami maka dalam keadaan seperti ini, hak memilih untuk hidup dalam perkahwinan poligami harus juga diberikan kepada isteri yang sedia ada.[6]

Antara negeri yang memperuntukan sedemikian adalah Morocco, Iraq, Iran, Syria, Tunisia, Pakistan dan Jordan. Bagaimanapun Malaysia tidak memperuntukkan peraturan sedemikian kerana dirasakan peruntukan sedemikian adalah tidak sesuai. Bahkan idea untuk memasukkan syarat di dalam surat perakuan nikah yang memberi hak kepada isteri untuk bercerai apabila suami berpoligami telah ditentang oleh banyak pihak. Terbaru pada pertengahan Mac 2003, Satu gabungan yang menggelar mereka sebagai Gabungan Hak Wanita Dalam Islam (GHWI) telah melancarkan kempen monogami yang bertemakan "satu suami satu isteri." Dalam kempen tersebut, mereka telah mendesak supaya syarat sedemikian dimasukkan sebagai pilihan sahaja kepada mereka yang mana kedua-dua pasangan bersetuju untuk menerima pakai syarat tersebut di dalam surat perakuan mereka. Bukan sahaja idea ini ditentang hebat malah kempen mereka juga dikecam sebagai sesuatu yang bertentangan dengan Syarak.

> "...Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman menegaskan sebarang peraturan mengenai monogami tidak boleh dibuat dengan sesuka hati sehingga bercanggah dengan Hukum Syarak..." - *Utusan Malaysia,* 20 Mac 2003.

> "...Para Mufti seluruh negara hari ini meminta supaya kempen menggalakkan monogami yang bertemakan 'Satu suami satu isteri' dihentikan

segera kerana bertentangan dengan Hukum Syarak dan boleh menjejaskan akidah Umat Islam..." - *Utusan Malaysia,* 18 Mac 2003.

Kalau di Malaysia ada yang berpandangan bahawa memasukkan syarat dalam perkahwinan sebagaimana yang dijalankan pada hari ini sebagai sesuatu yang bertentangan maka tidak hairanlah sekiranya syarat yang dicadangkan ini juga mendapat tentangan dan tidak dipersetujui. Dalam hal ini Carroll mengemukakan contoh syarat yang pada pandangan beliau *which is totally unenforceable and meaningless* seperti:[7]

"I promise not to marry another wife in the presence of my bride Mst. Fatima"

dengan contoh di mana *the stipulation may be enforced* seperti:

"If he should marry another woman upon her (that is, while she is still his wife), she sues her husband on the ground that he has married such an one, the person mentioned being present admitting the fact, and witnesses also attesting the marriage, the wife is entitled to exercise the delegated right of pronouncing talaq, and the disslolution of marriage consequent upon her action is valid."

Walaupun akhirnya isu kempen monogami telah diselesaikan melalui perbincangan dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,[8] namun memasukkan syarat memberi hak kepada isteri untuk bercerai apabila suami berpoligami masih lagi tergantung perbincangannya.

Dari aspek lain, pembaharuan dianggap radikal di Tunisia apabila poligami merupakan suatu kesalahan jenayah yang dikenakan hukuman.

Di Malaysia, poligami masih diteruskan. Undang-undang mengiktirafnya dan masyarakat menerimanya. Secara umumnya, Malaysia tidak bercadang untuk menghapuskan amalan tersebut memandangkan amalan ini masih lagi berterusan sama ada di kalangan pemimpin mahupun rakyat biasa. Di bawah ini dinyatakan sepintas lalu peruntukan-peruntukan poligami di dalam Undang-undang Keluarga Islam Malaysia.

Peruntukan Berkaitan Dengan Poligami di Dalam Undang-undang Keluarga Islam Malaysia.

Persoalan tentang hal ehwal perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah lama didokumentasikan dan diamalkan oleh masyarakat berasaskan kepada prinsip Perundangan Islam. Ini boleh dilihat di dalam Undang-undang Melaka yang dikatakan sebagai menggambarkan corak dan perkembangan

yang dialami oleh Masyarakat Melayu lama telah memperuntukkan lebih kurang 18 fasal yang berkaitan dengan kekeluargaan.[9] Peruntukan-peruntukan tersebut diambil terus dari prinsip-prinsip Kekeluargaan Islam sekalipun terdapat di sana-sini percampuran dengan beberapa peruntukan adat. Bagaimanapun perkara-perkara tentang kekeluargaan di dalam Undang-undang Melaka tidak selengkap seperti yang ada dalam Undang-undang Keluarga Islam sekarang. Ini adalah kerana ianya hanyalah suatu gambaran corak kehidupan masyarakat ketika itu.

Pengaruh Islam terhadap corak kekeluargaan masyarakat Melayu sangat kuat.[10] Sehinggakan dengan kehadiran penjajah Barat sekalipun tidak dapat menyisihkan hal-hal kekeluargaan dalam masyarakat Melayu. Undang-undang Kekeluargaan ini tidak pernah disisihkan dari masyarakat Melayu kerana pemakaian undang-undang tersebut merupakan persoalan peribadi yang tidak menyentuh langsung apa-apa kepentingan kepada pihak penjajah apatah lagi kepada masyarakat bukan Islam jika dibandingkan dengan aspek-aspek lain dalam Perundangan Islam.[11] Kerana itu Undang-undang Keluarga Islam masih diteruskan dengan penggubalan pelbagai Undang-undang keluarga yang khusus seperti Ordinan Perkahwinan Islam 1880. Undang-undang Keluarga yang dikuatkuasakan semasa zaman penjajah ini lebih menumpukan kepada aspek pendaftaran perkahwinan dan perceraian. Tiada peruntukan khusus berkaitan dengan poligami di dalam Undang-undang ini.

Walaupun pembaharuan berkaitan dengan peruntukan poligami telah dikuatkuasakan di beberapa negera-negara Islam yang lain sejak awal tahun 1950an, Malaysia hanya mula memperuntukan satu peraturan yang khusus dan terperinci di akhir 1970an dan awal 1980an. Umpamanya, Singapura melalui Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islamnya 1960 telah memperuntukkan bahawa seorang suami perlu mendapatkan kebenaran daripada Kadi Besar sebelum seseorang itu berpoligami. Cuma apa yang ada dari segi pentadbirannya di mana di Selangor dan Negeri Sembilan, seorang suami perlu membuat akuan di dalam borang bahawa dia telah mempunyai isteri dan beberapa maklumat-maklumat berkaitan dengan kemampuan suami dan sebagainya akan ditanya.[12]

Keperluan kepada satu undang-undang poligami yang lebih kemas dan terperinci sangat perlu memandangkan banyak rungutan yang diterima terutamanya dalam kes di mana perkahwinan poligami dilakukan tanpa pengetahuan isteri yang sedia ada. Dalam hal ini Azizah Kassim berpendapat bahawa:

> "...tetapi jika suaminya berpoligini di luar pengetahuannya, wanita itu akan merasakan dirinya dianiyai oleh si suami. Sebarang undang-undang berkaitan dengan poligini yang mahu digubal mesti dipertimbangkan hal-hal perikemanusiaan seperti ini supaya pihak wanita Islam dapat menerima undang-undang poligimi di negara ini dan tidak keluar berdemonstrasi menuntut supaya undang-undang poligami ini dihapuskan ..."

Perkara memaklumkan kepada pengetahuan isteri yang sedia ada tentang hasrat suami untuk berpoligami juga disebut dalam Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Perempuan Islam Malaysia pada tahun 1975. Dalam Muktamar tersebut mereka telah mengemukakan beberapa resolusi dan antaranya adalah berkaitan dengan poligami iaitu sebagaimana dalam Resolusi 8:

> "Bagi seorang lelaki Islam yang hendak berpoligami, beliau hendaklah meminta kebenaran bertulis daripada Kadhi Besar Negeri yang berkenaan, dengan mengemukakan sebab-sebabnya beliau perlu berbuat demikian. Sebelum seseorang kadhi mengahwinkan seseorang lelaki lebih dari satu kali (untuk tujuan berpoligami), pihak kadhi hendaklah menerangkan akan syarat-syarat berpoligami serta mendapatkan akuan dari suami itu yang beliau akan mematuhi syarat-syarat tersebut. Pengakuan ini hendaklah dibuat di hadapan isteri tuanya serta bakal isterinya untuk mendapatkan keredhaan dan persetujuan mereka."

Di awal tahun 1980an, Malaysia telah mula menggubal satu Undang-undng khas berhubung dengan kekeluargaan Islam yang lebih kemas dan terperinci. Usaha ini sebenarnya bukanlah suatu idea yang baru kerana sebelum ini beberapa negara-negara Islam yang lain telah terlebih awal menguatkuasakan Undang-undang Keluarga Islam yang lengkap. Sebahagian besar peruntukan permohonan poligami yang terdapat di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri mempunyai persamaan dengan Ordinan Undang-undang Perkahwinan Islam, Pakistan 1960.

Undang-undang baru ini bertujuan untuk memperincikan serta mengemaskinikan pentadbiran undang-undang keluarga Islam di Malaysia serta dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit dari hal ehwal kekeluargaan. Penggubalan undang-undang keluarga ini telah mendapat reaksi pelbagai dari masyarakat. Dalam hal ini Mehrun Siraj menyebut:[13]

> "The most significant development in relation to Syariah has been the removal of the Family law provision from the Administration of Muslim Law Enactments and their inclusion in specifically enacted Enactments."

Dalam pada itu terdapat juga sebahagian dari masyarakat lain yang mengkritik penggubalan Undang-undag Keluarga Islam sebagai sesuatu yang bertentangan dengan Syarak. Tanggapan sebegini tidak menghairankan kerana masyarakat beranggapan bahawa jika sesuatu yang tidak terdapat di dalam al-Qur'an maka pembaharuan seperti ini akan dianggap sebagai bertentangan dengan Syarak. Umpamanya dalam menghadkan umur perkahwinan, pendaftaran perkahwinan, poligami dan perceraian dengan kebenaran Mahkamah dan banyak lagi. Tetapi satu hal yang perlu diberi perhatian bahawa, pembaharuan yang dibuat bukanlah sewenang-wenangnya tanpa asas rujukan terhadap teks-teks perundangan Islam. Seperti kata Ahmad Hidayat:[14]

> "...perubahan-perubahan modern yang berlaku di dalam undang-undang keluarga Islam bukanlah sesuatu yang terkeluar dari Islam kerana ia adalah penafsiran semula undang-undang Syariah mengikut keperluan semasa ...."

Oleh yang demikian sekiranya undang-undang digubal bagi menjamin kesejahteraan masyarakat terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan pengawalan terhadap penyelewengan dalam amalan poligami bukanlah sesuatu yang bertentangaan dengan Islam. Dalam hal ini A.A. Fyzee menyebut:[15]

> "Legislation is not a *bid'ah* (sinful innovation) but righteous action to give justice where it is due. For cogent reasons reform by legislation seems to be the best remedy".

Peruntukan berkaitan dengan permohonan poligami yang ada di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam ini sebenarnya adalah bertujuan untuk mengawal amalan tersebut agar tidak berlaku sesuatu yang tidak diingini akibat daripada amalan poligami yang tidak betul. Kerana itu semua negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa setiap permohonan untuk berpoligami mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah atau pun Hakim Syarie. Di bawah ini akan dinyatakan secara terperinci peruntukan-peruntukan yang ada bagi melihat apakah hak-hak isteri dalam perkahwinan poligami dijamin oleh Undang-undang keluarga Islam yang sedia ada.

Peruntukan berkaitan dengan poligami merupakan salah satu aspek yang dikenalpasti tidak seragam di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Ketidak seragaman tersebut boleh dilihat dari sudut:

a. Permohonan poligami
b. Pendaftaran poligami tidak mengikut prosedur undang-undang
c. Hukuman bagi kesalahan poligami tanpa kebenaran Mahkamah
d. Hukuman bagi kesalahan ketidakadilan antara isteri-isteri
e. Peruntukan pembubaran perkahwinan melalui fasakh.

a. Permohonan poligami

Bagi negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak telah memperuntukkan prosedur terperinci yang perlu dipatuhi sebelum Mahkamah Syariah meluluskan permohonan tersebut. Pemohon perlu menyatakan:

- Alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu patut dan perlu
- Pendapatan pemohon
- Butir-butir komitmen, kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan

- Bilangan orang tanggungannya termasuk orang yang akan menjadi tanggungannya
- Sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isteri yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu.

Apabila Mahkamah menerima permohonan ini, maka yang sedia ada akan dipanggil untuk mendengar permohonan suami tersebut.[16] Mahkamah akan mengeluarkan saman kepada isteri yang sedia ada sekalipun suami tidak memberitahu hasratnya untuk berpoligami. Soal untuk mendapat tandatangan isteri yang sedia ada tidak dinyatakan di dalam borang permohonan dan juga tidak diperuntukkan di dalam Undang-undang Keluarg Islam. Sebaliknya apa yang perlu adalah pengakuan dari suami dibuat dengan menyatakan sama ada isteri yang sedia ada bersetuju ataupun tidak dengan permohonan tersebut.

Sebelum Mahkamah Syariah membenarkan permohonan tersebut, Mahkamah perlu berpuashati dengan beberapa perkara yang telah diperuntukkan oleh undang-undang iaitu:

i. Perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu
ii. pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung sebagaimana dikehendaki oleh Hukum Syarak
iii. pemohon berupaya memberi layanan yang sama rata
iv. perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan menyebabkan *ḍarar syar'ī* kepada isteri-isteri yang sedia ada.
v. perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan merendahkan secara langsung atau secara tidak langsung taraf kehidupan yang telah dinikmati oleh isteri dan tanggungannya yang sedia ada.

Sekiranya Mahkamah berpuashati bahawa suaminya telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sekalipun isteri tidak bersetuju, Mahkamah akan meluluskan permohonan tersebut. Kebenaran dan keengganan isteri terhadap hasrat suami untuk berpoligami tidak mengikat Mahkamah, sebaliknya maklumat yang diberi adalah keterangan yang digunakan sebagai membantu Mahkamah membuat keputusan meluluskan atau menolak satu-satu permohonan poligami.

Pada pertengahan tahun 1995, peruntukan seksyen 23 ini telah dipinda terhadap 2 perkara iaitu:

a) membenarkan pendaftaran kepada perkahwinan yang tidak mengikut prosedur (kahwin di sempadan)

b) syarat (v) dibuang.

Manakala bagi negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Perak, tidak memperuntukkan secara terperinci syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh seorang

suami untuk berpoligami. Ini bermakna terpulang kepada budi bicara Mahkamah untuk meluluskan ataupun tidak permohonan suami tersebut. Bahkan isteri tidak dipanggil untuk hadir mendengar permohonan suami tersebut. Mahkamah hanya berpegang kepada keterangan yang diberi oleh suami dan saksi-saksinya sahaja.

Bagaimanapun di negeri Perak umpamanya, dari segi pelaksanaan syarat-syarat yang dinyatakan di atas telah dijadikan panduan dalam menentukan sama ada seseorang suami itu layak ataupun tidak untuk berpoligami. Di Kelantan pula pada awal 1990an, satu surat pekeliling telah dikeluarkan oleh pejabat Kadi Besar (pada ketika itu) yang mengarahkan supaya setiap permohonan poligami perlu dimaklumkan kepada isteri yang sedia ada dalam tempoh 14 hari daripada Mahkamah mendengar permohonan suami. Prosedur memaklumkan kepada isteri adalah ekoran daripada rungutan para isteri yang tidak tahu mengenai kedudukan suaminya yang telah berkahwin lain. Bahkan pihak berkuasa berpendapat bahawa dengan memaklumkan kepada isteri yang sedia ada, dapat mengelakkan daripada berlakunya penganiayaan kepada mereka. Bukan setakat itu, bakal wanita yang akan dikahwininya dan wali kepada wanita tersebut akan dipanggil untuk mendapatkan keterangan daripada mereka.

Isteri yang sedia ada dipanggil ke Mahkamah antara lain bertujuan untuk mengemukakan hak-hak mereka sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang. Hak-hak tersebut adalah hak untuk mendapatkan nafkah diri isteri, nafkah anak, hak bermalam, penginapan yang berasingan dan juga hak untuk mendapatkan harta sepencarian (jika ada). Kehadiran isteri yang sedia ada ke Mahkamah bukanlah untuk memberi keizinan tetapi adalah untuk membantu Mahkamah membuat keputusan berkaitan dengan kemampuan suami dalam perkara-perkara yang dinyatakan. Dengan pengetahuan isteri yang sedia ada mengenai kedudukan suaminya, ini membolehkan mereka mengambil tindakan sekiranya berlaku penyelewengan terhadap hak-hak mereka. Bagaimanapun di sesetengah Mahkamah, perintah-perintah sampingan yang berupa hak-hak isteri ini kadangkala tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh Mahkamah. Sekalipun suami ada menyatakan amaun nafkah, bilangan bermalam dan sebagainya, namun ianya hanyalah di dalam borang permohonan poligami. Mahkamah lebih menumpukan kepada soal meluluskan atau tidak permohonan suami tersebut.

Pada pertengahan 1990an, aduan diterima daripada masyarakat terutamanya isteri yang sedia ada tentang perpindahan harta-harta perkahwinan ke pihak yang ketiga (isteri baru atau orang lain). Rungutan dan aduan ini semakin banyak diterima apabila ramai isteri menyatakan kekesalan dan kekecewaannya apabila harta-harta yang dikumpul bersama sama ada ianya diperolehi secara langsung mahupun tidak, telah habis dijual atau dipindahmilikkan. Perkara ini telah mendapat perhatian yang sewajarnya, dan kini, Mahkamah Syariah akan mengeluarkan perintah berkaitan dengan hak harta sepencarian isteri sebelum Mahkamah meluluskan permohonan suami. Bagaimanapun hak untuk mendapatkan harta sepencarian semasa permohonan

poligami dikemukakan kebanyakan berlaku di kawasan/negeri-negeri yang mana harta-harta yang diperolehi suami isteri adalah banyak. Umpamanya, di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Setakat ini pindaan undang-undang tentang perkara ini belum dilakukan lagi.

Kini timbul persoalan lain pula sama ada wang dalam KWSP juga boleh diiktiraf sebagai harta sepencarian. Antara tujuan perbincangan perkara ini adalah untuk memastikan bahawa perkahwinan poligami tidak akan menjejaskan hak isteri untuk mendapatkan harta sepencarian. Masalah lain yang dibangkitkan oleh masyarakat pada masa ini adalah berkaitan dengan meng*hibah*kan harta-harta kepada pihak yang lain dalam keadaan isteri tidak mengetahui tentang perkahwinan poligami suaminya. Perkara ini juga perlu diberi perhatian dalam kes di mana harta-harta sepencarian atas nama suami telah di*hiba*hkan kepada pihak yang lain tanpa pengetahuan isteri yang sedia ada. Sejauh mana isteri boleh memohon injunksi untuk menahan harta-harta tersebut dari di*hibah*kan tidak diperuntukan jaminannya dalam undang-undang.

b. Pendaftaran perkahwinan poligami yang tidak mengikut prosedur

Pada awal penguatkuasaan undang-undang keluarga Islam ini, perkahwinan poligami yang tidak mengikut prosedur undang-undang adalah tidak boleh didaftarkan perkahwinannya. Mehrun Siraj dalam artikel beliau "Marriage and Divorce – The Law applicable to Muslims in Selangor and the Federal Territory" mengemukakan soalan:[17]

> *"However will the marriage itself be valid? Would non-registration of the marriage render it invalid"*

Perkahwinan yang tidak mengikut prosedur undang-undang ini seperti berpoligami di sempadan telah mengakibatkan perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan. Ini akan memberi kesan yang besar kepada isteri yang dikahwini itu akibat daripada tidak mendaftar perkahwinan yang telah dijalankan. Umpamanya untuk tujuan tuntutan nafkah, perceraian ataupun pusaka. Oleh yang demikian beberapa negeri telah meminda dan memasukkan satu peruntukan yang membenarkan perkahwinan seperti ini didaftarkan tertakluk kepada penalti yang telah dikenakan. Pindaan ini nampaknya memberi satu berita yang baik kepada isteri kedua, ketiga dan keempat kerana perkahwinan mereka yang tidak mengikut prosedur tersebut kini boleh didaftarkan. Bagaimanapun masih lagi terdapat negeri-negeri yang belum meminda peruntukan ini.

Walaupun perkahwinan tersebut telah didaftarkan, Mahkamah tidak akan mengeluarkan perintah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh dengan hak-hak isteri. Ini adalah kerana prosiding kes tersebut adalah kesalahan matrimoni dan juga permohonan mendaftarkan perkahwinan yang tidak mengikut prosedur. Dalam kes sebegini sekali lagi, hak isteri dinafikan atas sebab tiada undang-undang yang memperuntukkan sedemikian. Oleh yang demikian terdapat cadangan bahawa

sebelum Mahkamah meluluskan pendaftaran perkahwinan, Mahkamah perlu mengeluarkan perintah tentang hak-hak isteri.

c. Hukuman bagi kesalahan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah

Berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah adalah suatu kesalahan. Kebanyakan negeri memperuntukkan penalti yang rendah bagi kesalahan ini iaitu denda tidak melebihi RM1,000 ataupun penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Bagi Sabah dan Sarawak dendanya adalah tidak melebihi RM3,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pindaan yang membenarkan pendaftaran tertakluk kepada penalti yang telah dikenakan, bagaimanpun telah menimbulkan masalah yang lain, iaitu peningkatan kes-kes poligami tanpa kebenaran mahkamah. Denda yang tidak melebih RM1,000 tidak menjadi bebanan kepada mereka untuk terus melakukan poligami tanpa kebenaran Mahkamah. Satu kajian awal yang dijalankan oleh penulis sendiri di salah sebuah Mahkamah Syariah di Selangor menunjukkan bahawa kecenderungan Mahkamah untuk mengenakan penalti adalah disekitar RM300 - RM400. Jumlah yang sama juga diputuskan di sesetangah Mahkamah Syariah di Kelantan. Bagaimanapun tidak dinafikan terdapat banyak Mahkamah yang kini telah berani mengenakan hukuman denda maksimum sekitar RM900 - RM1,000. Sejak akhir-akhir ini, laporan dalam akhbar tempatan menyatakan terdapat 2 kes di mana Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan telah mengenepikan hukuman penjara kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Ketua Penerangan UMNO Kelantan atas kesalahan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah dan berkahwin tidak mengikut prosedur. Ini bermakna setakat artikel ini ditulis, hukuman memenjarakan suami yang berpoligami dianggap sebagai sesuatu yang agak "mustahil" kerana kesalahan ini hanya merupakan kesalahan matrimoni dan bukannya jenayah.

d. Hukuman bagi kesalahan tidak berlaku adil antara isteri-isteri

Hukuman bagi kesalahan ini adalah tidak seragam di antara negeri-negeri. Sebagai contoh, Kedah menetapkan RM300 atau penjara tidak lebih dari 2 tahun atau kedua-duanya. Negeri Kelantan RM500 atau penjara tidak lebih dari 4 bulan atau kedua-duanya sekali. Bagi negeri-negeri lain dendanya adalah tidak lebih daripada RM1,000 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanaya sekali. Setakat ini tidak ada kes yang diputuskan. Ini berkemungkinan isteri tidak tahu peruntukan di atas ataupun mereka bimbang akan diceraikan kelak.[18]

e. Pembubaran perkahwinan melalui fasakh

Perkahwinan poligami semata-mata bukanlah merupakan suatu alasan yang sah untuk membubarkan perkahwinan melalui fasakh. Bagaimanapun sekiranya suami berlaku tidak adil dalam perkahwinan poligami maka ini merupakan satu alasan yang telah diperuntukkan oleh undang-undang. Tidak semua negeri mempunyai peruntukan

yang khusus sebegini. Di sesetengah negeri seperti Kelantan, Melaka, Perak dn Pahang memperuntukkan suatu peruntukan yang umum yang boleh digunakan bagi maksud ketidakadilan antara isteri-isteri iaitu:

> "Apa-apa alasan lain yang diiktiraf sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh mengikut Hukum Syarak."

Di negeri Kedah tidak terdapat peruntukan yang memberi hak kepada isteri untuk membubarkan perkahwinnya atas alasan suami melakukan ketidakadilan terhadap isteri-isterinya.

Kesimpulan

Jelas di sini bahawa undang-undang yang ada bukan untuk menghalang seseorang suami untuk berpoligami. Perkara ini kemungkinan besar tidak akan berlaku kerana Malaysia berpendapat bahawa dalam keadaan tertentu poligami ada keperluannya. Mizanur menyebut:[19] *"It has its uses as well as abuses."*

Peruntukan yang ada bertujuan untuk memastikan bahawa tidak berlaku penyelewengan yang boleh mengakibatkan ketidakadilan terhadap isteri/isteri-isteri dan anak-anak. Bagaimanapun undang-undang yang ada masih belum mencukupi untuk menjamin hak-hak isteri tidak diabaikan. Walaupun pada dasarnya seseorang suami perlu memenuhi beberapa syarat yang telah diperuntukan oleh Undang-undang, namun dalam banyak keadaan, Mahkamah lebih berkecenderungan untuk meluluskan permohonan poligami sekalipun pendapatan mereka yang kadangkala sukar melalui mata kasar untuk memastikan suami tersebut sebenarnya berkemampuan untuk menyara tanggungannya. Sekiranya permohonan mereka ditolak di peringkat Mahkamah Rendah, namun apabila rayuan dikemukakan, Mahkamah Tinggi akan mempertimbangkan permohonan tersebut dan akhirnya meluluskan. Permohonan suami untuk berpoligami yang ditolak oleh Mahkamah, akan berpoligami melalui pernikahan yang dilakukan di sempadan. Kesalahan matrimoni ini tidak dihiraukan memandangkan apabila mereka pulang ke Malaysia, undang-undang masih mengiktiraf perkahwinan poligami tersebut tambahan pula hukuman yang dikenakan adalah tidak menakutkan. Tujuan pendaftaran ini tidak lain adalah juga untuk menjamin isteri yang dinikahi tersebut tidak akan terabai haknya.

Soal untuk memperketatkan atau melonggarkan permohonan poligami perlulah diseimbangkan dengan hak-hak isteri dalam perkahwinan poligami. Jika sekiranya undang-undang hanya menumpukan kepada soal permohonan poligami, dikhuatiri, hak-hak isteri/isteri-isteri dalam perkahwinan tersebut akan terabai memandangkan peluang atau potensi untuk melakukan ketidakadilan dan penganiayaan terhadap isteri memang boleh berlaku. Kita tidak mahu kes-kes ekstrim seperti suami tidak memberi hak nafkah dan seksual kepada mana-mana isteri terus berlaku dan isteri pula tidak

mahu mengemukakan tuntutan ke Mahkamah Syariah sekalipun undang-undang memperuntukan sedemikian. Keengganan mereka adalah ekoran daripada rumitnya prosedur, pembuktian serta masalah-masalah lain yang mereka hadapi yang mana ini boleh menjejaskan kebajikan mereka dan anak-anak mereka. Kita boleh memikirkan untuk menerima cadangan yang mana perkahwinan poligami tanpa kebenaran Mahkamah merupakan alasan yang wajar untuk isteri memohon perceraian.

Di samping itu penguatkuasaan perintah perlu lebih tegas dalam memastikan hak-hak isteri tidak diabaikan. Perintah pemberian nafkah, pembahagian bermalam dan juga harta sepencarian tidak diikuti dan dipatuhi.

Sebelum mengakhiri perbincangan ini, sekali lagi ingin ditegaskan bahawa artikel ini memberi penekanan kepada perlindungan dan hak-hak isteri yang perlu diberi perhatian serius oleh penggubal undang-undang dan masyarakat sekeliling. Kertas ini bukan bertujuan untuk membidas mana-mana amalan poligami yang baik tetapi cuba mencari penyelesaian kepada isteri (wanita) yang mana hak-hak mereka telah diabaikan dan diselewengkan.

Nota Hujung

- Kertas ini telah dibuahsuai dari kertas kerja asal yang bertajuk "Hak-hak Isteri dalam Perkahwinan Poligami Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia" yang telah dibentangkan dalam Siri Penerangan Undang-undang Islam anjuran Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 25 Januari 2003.

1. Umpamanya petikan-petikan akhbar seperti berikut:

   "...Semalam wakil rakyat Pas kawasan Melor, Wan Ismail Jusoh pada sesi perbahasan Belanjawan Negeri 2003 pada Sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan mencadangkan agar sijil poligami dikeluarkan kepada semua rakyat tanpa memerlukan mereka membuat permohonan di Mahkamah Syariah..."- *Utusan Malaysia,* 26 Oktober 2002

   "...Kerajaan Johor disaran mengurniakan pingat kepada isteri yang membenarkan suami masing-masing berpoligami dengan ibu-ibu tunggal yang bilangannya semakin meningkat di negeri ini. Ahli Dewan Undangan Negeri Parit Raja, Ali Shikh Ahmad berkata, selain mengurniakan pingat, Majlis Agama Islam Johor perlu melonggarkan syarat bagi suami yang ingin berkahwin dengan golongan tersebut..." - *Utusan Malaysia,* 20 November 2002

   "... Ahmad Baihaki Atiqullah (Pas-Pasir Tumboh - Kelantan) dalam perbahasannya (ketika membahaskan titah ucapan menjunjung kasih Sultan Kelantan) antara lain mencadangkan supaya kerajaan negeri menggalakkan poligami atau berkahwin lebih dikalangan rakyat Kelantan untuk mengurangkan masalah sumbang mahram di kalangan lelaki yang kuat nafsu. Menurut Ahmad Baihaki, sumbang mahram antara lain berpunca daripada kuranganya didikan agama, iman dan kekuatan untuk mengawal nafsu di kalangan lelaki..." -*Utusan Malaysia,* 24 Oktober 2002

   "...Pendaftar Nikah Kahwin Perlis, Datuk Alim Panglima Mat Jahaya Hussein berkata, bayaran urusan perkahwinan yang dikenakan bagi suami yang hendak berpoligami adalah RM500 dan mereka pula diwajibkan menjalani kursus perkahwinan. Kita melonggarkan syarat poligami ini bagi menyekat lelaki di negara ini pergi ke Thailand untuk berkahwin lebih. Kalau boleh datang ke Perlis untuk berkahwin satu lagi" ujarnya...- *Utusan Malaysia,* 2 Januari 2003

2. Dipetik daripada Azizah Kassim (1985), *Wanita dan Masyarakat,* Kuala Lumpur: UPD Sdn Bhd, h. 183.

3. Lihat Azizah Kassim (1985), *ibid.,* h. 183; Roziah Omar (2003), "Negotiating Their Visibility: The Lives of Educated and Married Malay Women" dalam Roziah Omar dan Azizah Hamzah (ed.), *Women in Malaysia: Breaking Boundaries,* Kuala Lumpur: UPD Sdn Bhd, h. 135.

4. Azizah Kassim (1985), *ibid.,* h. 194.

5. Stowasser, Barbara Freyer (1994), *Women in the Quran, Traditions and Interpretations*, New York: Oxfrod University Press, h. 121.
6. Badawi, Jamal (1995), *Gender Equity in Islam*, Indiana: American Trust Publications, h. 28.
7. Carroll, Lucy (1996), "Drafting a Marriage Contract with a Tafwid Clause: Practical Considerations and Information," dalam Lucy Carroll dan Harsh Kapoor (ed.),*Talaq tafwid: The Muslim Woman's Contractual access to Divorce*, London: Woman Living Under Muslim Laws, h. 89.
8. Utusan Malaysia 25 Mac 2003, Terdahulu terdapat beberapa pelekat kereta yang berbunyi "Satu Suami = Satu Isteri; MONOGAMI PILIHANKU." Penulis pula telah menerima pelekat kereta yang berbunyi '...Jika kamu khuatir tidak akan berlaku adil, maka berkahwinlah SATU sahaja' 4: 3. Melalui penelitian rambang, penulis hanya dapat berkesempatan melihat pelekat kereta yang berbunyi "Satu Suami = Satu Isteri" itu dilekat pada sebuah kereta sahaja.
9. Ismail Hamid (1991), *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 132.
10. Gavin W Jones (1994), *Marriage and Divorce in Islamic South-East Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Pres, h. 9-13
11. Ahmad Hidayat Buang (1997), "Reformasi Undang-undang Keluarga Islam,"*Jurnal Syrariah*, jil. 5, bil. 1, h. 39.
12. Mehrun Siraj (1968), "Recent Changes in the Administration of Muslim Family Law in Malaysia and Singapore," *International and Comparative Law Quarterly*, vol. 17, h. 224.
13. Mehrun Siraj (1989), "The Development and Implementation of Syariah Laws in Malaysia: The position of Muslim Women," dalam *Workshop Shariah and Civil Laws: Developments and Implementations and the Position of Muslm Women*, h. 2.
14. Ahmad Hidayat Buang (1997), "Reformasi Undang-undang Keluarga Islam," *Jurnal Syariah*, jil. 5, bil. 1, h. 39.
15. Dipetik daripada Arora K.K. (1986), "Polygamy - A Negation of Quran" dalam*Social Policy, Law and Protection of Weaker Sections of Society*, Lucknow, h. 373.
16. Seksyen 23 (4) Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984.
17. Mehrun Siraj (1988), "Marriage and Divorce - The Law Applicable to Muslims in Selangor and the Federal Territory" *Malayan Law Journal*, No. 29, h. lxxviii.
18. Raihanah Hj. Abdullah (1997), "Poligami di Malaysia"*Jurnal Syariah*, jil. 5, bil. 2, h. 175.
19. Rahman, Mizanur (1938), "Islam and Polygamy,"*Islamic Review*, vol. 36, h. 194.